

17 JAN 1997

Mahathir-IAP

PENASIHAT ANTARABANGSA MINAT DENGAN KONSEP MSC

Oleh: K.C. Leong

PALO ALTO (California), 17 Jan (Bernama) -- Mesyuarat pertama Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) bagi Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia diadakan di sini Khamis dengan para anggota panel melahirkan minat yang mendalam berhubung konsep itu.

Mereka melahirkan kesanggupan untuk membantu menjayakan MSC.

Panel itu terdiri daripada 30 anggota, termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pengerusi eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah, serta tokoh-tokoh dalam industri teknologi maklumat.

Dr Mahathir memberitahu persidangan berita selepas mesyuarat selama enam setengah jam itu yang diadakan di Universiti Stanford bahawa anggota panel juga bersetuju mengadakan pertemuan berikutnya pada Januari tahun depan di Kuala Lumpur.

Daripada 28 anggota antarabangsa IAP, enam tidak dapat hadir kerana mempunyai komitmen lain.

Mereka ialah Bill Gates (Microsoft), Louis Gerstner (IBM), Gilbert Amelio (Apple), Dr Heinrich von Pierer (Siemens Corp), Tadashi Sekizawa (Fujitsu) dan Alvin Toffler.

Anggota panel yang hadir pada mesyuarat itu ialah pakar perunding Kenichi Ohmae, Lester Alberthal (EDS), Duta Diana Lady Dougan, Larry Ellison (Oracle), Fred Gluck (Bechtel), Nobuyuki Idei (Sony), Bon Moo Koo (Lucky-Goldstar), Robert Madge (Madge Networks), Jim Manzi (Nets Inc), Scott McNealy (Sun Microsystems), Prof William Miller (Stanford Graduate School of Business);

Noboru Miyawaki (NTT), Philip Odeen (BDM International), Eckhard Pfeiffer (Compaq), Lewis Platt (Hewlett-Packard), Stan Shih (Acer), Masayoshi Son (Softbank), Dean Michael Spence (Dean Graduate School of Business, Stanford), Gary Tooker (Motorola), Lynton Ronald Wilson (BCE), James Barksdale (Netscape) dan Robert R. Bishop (Silicon).

Dr Mahathir berkata mesyuarat lain mungkin diadakan untuk membincangkan isu-isu berbangkit berkaitan perkara-perkara yang lebih khusus berhubung pelaksanaan MSC yang akan dihadiri para eksekutif syarikat dan pertubuhan anggota IAP itu.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata anggota panel akan sentiasa berhubung dengannya menerusi mel elektronik atau secara peribadi.

Beliau berkata anggota panel telah memberikan nasihat dan cadangan yang berguna untuk menjayakan MSC tetapi turut membangkitkan beberapa kebimbangan seperti kekurangan pekerja berpengetahuan dan bagaimana untuk memasarkan produk-produk itu dari MSC di negara-negara jiran.

Beliau berkata kebimbangan itu diambil perhatian dan tindakan sewajarnya akan dibuat setakat mana yang boleh.

Beliau gembira kerana banyak idea dibangkitkan pada mesyuarat itu termasuk yang membabitkan pembelajaran jarak jauh dengan menggunakan komputer dan Internet dan cadangan penerapan sekolah bistari.

Dr Mahathir juga berkata ada di kalangan anggota panel yang melahirkan kesanggupan mereka untuk melabur dalam MSC.

Beberapa anggota panel memberitahu persidangan berita mengenai rancangan atau minat mereka untuk melabur di kawasan itu.

Ketika ditanya bagaimana MSC akan berjaya dalam menghadapi persaingan daripada inisiatif yang serupa di negara-negara lain, Duta Dougan berkata walaupun banyak negara menawarkan tarikan seperti pengecualian cukai, MSC

menawarkan banyak insentif dan mengharungi era baru dengan pelaksanaan undang-undang siber.

Beliau berkata perbezaan antara MSC dan projek-projek lain ialah dalam kepimpinan dan tahap komitmen yang ditunjukkan oleh pemimpin Malaysia.

Ketika ditanya mengenai bilangan tokoh-tokoh Amerika dalam panel itu yang menentang dasar Pandang ke Timur Malaysia, Dr Mahathir berkata apa yang selalunya tertinggal dalam laporan mengenai dasar itu ialah beliau telah berkata bahawa Malaysia tidak akan berhenti daripada memandang ke Barat.

Beliau berkata ada kebimbangan yang dibangkitkan mengenai sama ada cara hidup baru seperti yang dibayangkan di bawah MSC akan bertentangan dengan elemen konservatif, seperti yang terdapat di Kelantan.

Bagaimanapun, beliau berpendapat ia tidak akan menimbulkan masalah kerana MSC telah dibangkitkan untuk sekian lama dan setakat ini tidak ada respons yang negatif.

"Selain itu, mereka mempunyai masalah lain yang lebih besar seperti menguruskan kerajaan negeri," katanya. -- BERNAMA

LKC AKD